



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHOMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MINISTER OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES**

**ON THE OCCASION OF**

**THE GALA DINNER CEREMONY OF THE 32nd MALAYSIAN  
VETERINARY MEDICAL ASSOCIATION MALAYSIA (MAVMA)  
CONGRESS 2022**

**15 JUL 2022 (FRIDAY)  
DORSETT GRAND SUBANG HOTEL, SELANGOR**

## **SALUTATION**

### **YB DATUK DR NIK MUHAMMAD ZAWAWI HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri II, Kementerian Pertanian & Industri Makanan/  
*Deputy Minister II, Ministry of Agriculture & Food Industries*

### **YBRS. DR. HELEN MITIN**

Pengerusi, Kongres MAVMA ke-32 Tahun 2022  
*MAVMA Congress Chairman 2022*

### **YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD. AZMI MOHD. LILA**

Presiden, Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA)/  
*President of the Malaysian Veterinary Medical Association Malaysia (MAVMA)*

### **YBRS. DR. MOHD. NOOR HISHAM MOHD. HARUN**

Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)/  
*Senior Director, Division of Strategic Planning and Veterinary Evaluation, Department of Veterinary Services (DVS)*

### **YBHG. DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN HASSAN NIZAM**

Presiden, Persekutuan Persatuan Veterinar Asia (FAVA)/  
*President of the Federation of Asian Veterinary Association (FAVA)*

### **YBHG. PROF. DR. ABDUL RAHMAN OMAR**

Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM)/  
*Dean, Faculty of Veterinary Medicine, University Putra Malaysia*

### **YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD. HAIR BEJO**

Presiden, Malaysian College of Veterinary Specialist (MCVS)  
*President of the Malaysian College of Veterinary Specialist (MCVS)*

Barisan panel pembentang,  
*Distinguished speakers,*

Ahli-Ahli EXCO MAVMA, Ahli-Ahli Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia, Doktor-Doktor Veterinar & Saintis,  
*MAVMA Exco, Veterinary Association Members, Fellow veterinarians & Scientists*

Tan Sri, Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin', Professors,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,  
*Ladies and Gentlemen,*

Salam Keluarga Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA) di atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama dalam Majlis Makan Malam Gala Kongres MAVMA Ke-32 Tahun 2022 bagi meraikan kejayaan dan pencapaian doktor-doktor veterinar kita sepanjang tahun.

***First of all, I would like to extend my gratitude to the Malaysian Veterinary Medical Association Malaysia (MAVMA) for inviting me to join this Gala Dinner Ceremony of the 32nd MAVMA Congress 2022 to celebrate the success & achievement of our veterinarians throughout the year.***

2. Saya juga mengalu-alukan semua Ahli-Ahli Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA), tetamu kehormat, penceramah dan semua delegasi ke Kongres MAVMA ke-32 Tahun 2022 dan Mesyuarat Agung Tahunan yang bertemakan “COVID-19: Reshaping The Future Of Veterinary Profession And Industry”.

***It is a great pleasure for me to welcome all Malaysian Veterinary Medical Association Malaysia (MAVMA) members, distinguished guests, speakers and delegates to the 32nd MAVMA Congress 2022 and Annual General Meeting with the theme, “COVID-19: Reshaping The Future Of Veterinary Profession And Industry”.***

3. Sesungguhnya, tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar bagi profesion veterinar. Kerjasama semua pihak berkepentingan, profesional dalam industri dan pengguna adalah penting dalam mewujudkan simbiosis yang sihat antara aktiviti haiwan-manusia dan alam sekitar. Ini juga penting dalam mewujudkan masa depan yang mampan demi ‘Keluarga Malaysia’ dan generasi akan datang.

***This year has been a challenging one for the veterinary profession. Effective action, collaboration and cooperative efforts are required from all stakeholders, industry professionals and consumers to create a healthy symbiosis between animal-human activities and the environment. This is essential towards creating a sustainable future for the benefit of all Malaysians and the next generation.***

Ladies and Gentlemen,

4. Saya difahamkan, MAVMA telah ditubuhkan hasil penggabungan beberapa persatuan 33 tahun yang lalu dan selaku Menteri Pertanian dan Industri Makanan, saya amat bangga melihat para veterinawan, ahli-ahli akademik dan pemain industri berada di bawah satu payung persatuan bagi memainkan peranan aktif dalam usaha menyelia dan menjaga industri veterinar di negara kita ini.

***I have been made to understand that MAVMA was formed by the merger of the Associations since 33 years ago. As the Minister of Agriculture and Food Industries, I am certainly proud to see that the animal industry in the country largely, is being looked after and in the good hands of veterinarians, academicians and animal industry players under one umbrella association.***

5. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) amat menghargai sumbangan sektor penternakan negara dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan untuk memenuhi keperluan rakyat. Ahli-Ahli MAVMA antara lain telah MAVMA memainkan peranan penting dalam konteks ini dengan memantau kesihatan haiwan ternakan dan haiwan-haiwan lain bagi mencegah pemindahan dan penyebaran penyakit zoonosis daripada haiwan kepada manusia.

***The Ministry of Agriculture and Food Industries, or in short MAFI, is indeed grateful for the contributions by the animal industry in supplying animal-based food to the people of this nation. The well-being of the industry is undoubtedly well taken care of by all the members of MAVMA who play a crucial role in monitoring the health of the livestock and other animals and at the same time preventing the transfer and spread of zoonotic diseases from animals to man.***

6. Kongres yang dianjurkan bersama dengan Persatuan Veterinar Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini sememangnya merupakan satu platform yang sangat baik untuk untuk berkongsi dan membincangkan penemuan, teknologi dan pendekatan baharu yang berkaitan dengan kesihatan haiwan dan manusia. Saya pasti ini juga satu peluang yang baik untuk semua ahli-ahli bertemu, menjalinkan hubungan dan meluaskan rangkaian masing-masing untuk manfaat bersama.

***This year's congress is organised jointly by the Veterinary Association Malaysia, the Department of Veterinary Services (DVS), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Malaysia Kelantan (UMK). This is indeed an excellent platform to exchange ideas, share information regarding application of veterinary and other allied sciences. I am certain that this is a great occasion for all members to meet and greet, make connections and to network for the benefit of all.***

7. Tema "COVID-19: Reshaping The Future Of Veterinary Profession And Industry" pada tahun ini adalah amat bertepatan dan memberi penekanan kepada kesediaan dan kesiapsiagaan doktor veterinar dalam menjangka masa depan profesion veterinar di Malaysia.

***This year's theme of "COVID-19: Reshaping The Future Of Veterinary Profession And Industry" will highlight and emphasises on the preparedness of veterinarians to anticipate the future of veterinary profession in Malaysia.***

8. Malah, keperluan untuk mengorak langkah ke hadapan dengan memberi penekanan kepada transformasi dan inovasi adalah penting memandangkan penjagaan dan perkhidmatan veterinar hari ini sedang mengalami satu perubahan yang pesat dan drastik. Ini adalah berikutan peningkatan dalam standard penjagaan dan perkhidmatan haiwan, pertumbuhan pesat industri penternakan, peningkatan tahap kesedaran terhadap kebajikan haiwan serta kemunculan penyakit-penyakit berjangkit dan zoonosis.

***As the veterinary care and services is undergoing dramatic changes due to higher expectations from the public, increase in the standard of care and services, rapid growth of livestock industry & enhanced animal welfare awareness and the emergence of infectious and zoonotic diseases, the need of future-proofing with innovation is immediately apparent.***

9. Saya yakin transformasi profesion veterinar dapat diterjemahkan ke arah industri ternakan, kesihatan haiwan serta kebajikan haiwan yang lebih mampan dengan penggunaan dan aplikasi teknologi terkini, kolaborasi dan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa serta penemuan-penemuan saintifik yang baharu.

***Through cutting-edge technologies, international and national collaboration, and discovery of new scientific findings, we will be able to upgrade and transform the veterinary profession.***

10. Dalam hal ini, semua veterinar di Malaysia termasuk di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), universiti awam, institusi penyelidikan dan pengamal swasta perlu berganding bahu dan bergerak seiring demi kebaikan profesion veterinar secara keseluruhannya.

***To achieve this noble objective, all veterinarians in Malaysia including in the Department of Veterinary Services, public universities, research institutions and private practices must work hand in hand for the benefits of veterinary profession and its fraternity.***

11. Bagi pihak MAFI, usaha-usaha untuk memperkukuh sekuriti makanan juga akan terus diperkasa menerusi kerjasama dan kolaborasi strategik semua pihak beraspirasikan “*Food Security is a Shared Responsibility*” bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan demi pertumbuhan sektor agromakanan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

***On behalf of MAFI, the efforts to improve food security will continue to be strengthened through strategic cooperation and collaboration with all parties aspired by the understanding that “Food Security is a Shared Responsibility” towards ensuring the continuity of food supply for the growth of the agrofood sector and the wellbeing of Keluarga Malaysia.***

12. Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur atas usaha dan komitmen yang cemerlang dalam menganjurkan kongres ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada semua penaja atas sumbangan dan sokongan yang diberikan. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua penceramah dan pembentang yang bakal kongsi ilmu dan pengetahuan yang amat bermakna dan diperlukan oleh profesion veterinar.

***Last but not least, I would like to thank the organising committee for their excellent efforts and commitments in making sure that this two days Congress a success. My greatest appreciation also goes to all sponsors for their generous contribution and continuous support. I also wish all the best to all plenary speakers and presenters for the indispensable knowledge shared to the profession.***

Selamat bersidang kepada semua pembentang dan peserta kongres.

*Have a fruitful and productive congress to all.*

Sekian, Terima kasih.

*Thank you.*